




UNIVERSITI ISLAM PAHANG  
SULTAN AHMAD SHAH

جامعة السلطان احمد شاه الإسلامية ببهانج  
SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC UNIVERSITY

PUSAT PENGURUSAN SISWAZAH UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH



**GARIS PANDUAN**  
**PEPERIKSAAN LISAN**  
**SARJANA & DOKTOR FALSAFAH**  
**(MOD PENYELIDIKAN)**

UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH

**GARIS PANDUAN PEPERIKSAAN LISAN  
SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH  
(MOD PENYELIDIKAN)  
UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH  
(UnIPSAS)**

**Pusat Pengurusan Siswazah UnIPSAS  
NOVEMBER 2021**

**Cetakan Pertama 2021**

**Hak Cipta**

**Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, 2021**

Hak cipta terpelihara. Adalah tidak dibenarkan ulang mana-mana bahagian dalam kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa pun samada secara elektronik atau fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa kebenaran bertulis daripada Naib Canselor Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah.

**Diterbitkan di Malaysia oleh**

**PUSAT PENGURUSAN SISWAZAH**

**Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS)  
Km 8, Jalan Gambang 25150 Kuantan, Pahang Darul Makmur**

# KANDUNGAN

---

## **BAHAGIAN 1: PENDAHULUAN**

1.1	Tujuan	1
1.2	Nama	1
1.3	Jawatankuasa Terlibat	1

## **BAHAGIAN 2: PELANTIKAN PEMERIKSA LUAR DAN PEMERIKSA DALAM**

2.1	Pengenalan	2
2.2	Syarat Pelantikan Pemeriksa	2
2.3	Pengesahan Pemeriksa	2
2.4	Pelantikan Pemeriksa	3
2.5	Tanggungjawab Pemeriksa	3
2.6	Elaun Dan Kemudahan Pemeriksa	4

## **BAHAGIAN 3: PROSES DAN PROSEDUR PEPERIKSAAN LISAN**

3.1	Pengenalan	5
3.2	Pelaksanaan	5
3.3	Carta Alir Keseluruhan Peperiksaan Lisan	5

## **BAHAGIAN 4: PROSES SEBELUM PEPERIKSAAN LISAN**

4.1	Kelulusan Abstrak	6
4.2	Notis Penyerahan Tesis	6
4.3	Carta Alir Mengemukakan Notis Penyerahan Tesis	7

## **BAHAGIAN 5: PROSES SEMASA PEPERIKSAAN LISAN**

5.1	Menghantar Tesis Untuk Tujuan Peperiksaan Lisan	9
5.1.1	Syarat Menghantar Tesis untuk Tujuan Peperiksaan	9
5.1.2	Prosedur Penyerahan Tesis untuk Peperiksaan Lisan	9
5.2	Peperiksaan Lisan	9
5.2.1	Pelaksanaan Peperiksaan Lisan	9
5.2.2	Peranan Pengerusi, Pemeriksa, Penyelia dan Calon	10
5.2.3	Garis Panduan Umum Pengendalian Peperiksaan Lisan	10
5.3	Keputusan Peperiksaan Lisan	10
5.4	Pencapaian Hasil Pembelajaran	12
5.5	Pembetulan Tesis	15
5.6	Semakan Pembetulan Tesis	15

## **BAHAGIAN 6: PROSES SELEPAS PEPERIKSAAN LISAN**

6.1	Semakan Format Penulisan Tesis	17
6.2	Penyerahan Akhir Tesis	17
6.3	Syarat Penganugerahan	18

## **BAHAGIAN 7: RAYUAN**

7.1	Pengenalan	19
7.2	Pelantikan Jawatankuasa Semakan Rayuan	19
7.3	Prosedur Rayuan	20
7.4	Sesi Membuat Keputusan	20

<b>BAHAGIAN 8: PENUTUP</b>	<b>21</b>
----------------------------	-----------

## **BAHAGIAN 6: LAMPIRAN**

LAMPIRAN 1	Carta Alir Keseluruhan Proses Peperiksaan Lisan	22
LAMPIRAN 2	Carta Alir Prosedur Mengemukakan Notis Penyerahan Tesis	23
LAMPIRAN 3	Carta Alir Prosedur Menghantar Tesis Untuk Peperiksaan Lisan	24
LAMPIRAN 4	Carta Alir Keputusan Peperiksaan Lisan	25
LAMPIRAN 5	Carta Alir Prosedur Pembetulan	26
LAMPIRAN 6	Carta Alir Proses Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan	27
LAMPIRAN 7	Peranan Pengerusi, Pemeriksa, Penyelia Dan Calon Semasa Peperiksaan Lisan	28
LAMPIRAN 8	Garis Panduan Umum Pengendalian Sesi Peperiksaan Lisan	30

## **BAHAGIAN 1 : PENDAHULUAN**

### **1.1 Tujuan**

Garis Panduan ini disediakan bertujuan untuk memberikan panduan dalam pelaksanaan proses sebelum, semasa dan selepas peperiksaan lisan. Garis panduan ini terpakai kepada setiap pelajar yang mendaftar sesuatu program yang mengurniakan Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran (Mod Penyelidikan).

### **1.2 Nama Garis Panduan**

Garis Panduan ini dinamakan Garis Panduan Peperiksaan Lisan Sarjana dan Doktor Falsafah (Mod Penyelidikan), Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) 2021.

### **1.3 Jawatankuasa Terlibat**

Berikut adalah senarai bahagian atau jawatankuasa yang terlibat dalam proses Peperiksaan Lisan.

- i. Jawatankuasa Pascasiswazah Fakulti (JKPSF)
- ii. Pusat Pengurusan Siswazah (PPS)
- iii. Jawatankuasa Peperiksaan Lisan (JKPL)
- iv. Jawatankuasa Semakan Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan (JSKP)

## **BAHAGIAN 2: PELANTIKAN PEMERIKSA LUAR DAN PEMERIKSA DALAM**

### **2.1 Pengenalan**

Pemeriksa Luar adalah seorang staf akademik atau pakar bidang daripada luar Universiti yang dilantik oleh Pusat Pengurusan Siswazah untuk menilai pencapaian hasil penyelidikan calon. Manakala Pemeriksa Dalam pula adalah staf akademik KUIPSAS yang dilantik oleh Pusat Pengurusan Siswazah untuk menilai pencapaian hasil penyelidikan calon.

### **2.2 Syarat Pelantikan Pemeriksa**

- i. Pemeriksa dilantik berasaskan kewibawaan, kepakaran dan profesionalisme yang tinggi.
- ii. Syarat pelantikan pemeriksa luar dan pemeriksa dalam hendaklah berdasarkan ketetapan dalam Peraturan Akademik Pascasiswazah Edisi kedua 2020.
- iii. Pemeriksa mestilah berkecuali, tidak ada kepentingan serta pendirian dan penilaian yang dibuat tidak diragui.
- iv. Pemeriksa tidak boleh mempunyai pertalian persaudaraan yang rapat dengan calon mahupun dengan penyelia.
- v. Pemeriksa tidak terlibat dengan kajian tesis yang dinilai atau terlibat dengan penyeliaan calon.
- vi. Mana-mana kakitangan UnIPSAS tidak boleh memaklumkan atau memberitahu nama-nama pemeriksa dalam dan luar kepada pelajar.

### **2.3 Pengesahan Pemeriksa**

Jawatankuasa Pascasiswazah Fakulti (JKPSF) akan membuat pengesahan cadangan pemeriksa berasaskan:

- i. kepakaran
- ii. pengalaman sebagai pemeriksa
- iii. pengalaman sebagai penyelia



## 2.4 Pelantikan Pemeriksa

- i. PPS akan membuat surat lantikan pemeriksa selepas disahkan oleh JKPSF.
- ii. Pemeriksa luar diberi masa **DUA (2)** minggu dari tarikh penerimaan surat untuk mengesahkan terima/tolak perlantikan sebagai pemeriksa.
- iii. Pemeriksa dalam tidak boleh menolak perlantikan kecuali ada sebab-sebab munasabah. Penolakan ini hendaklah dibincang dan dipersetujui oleh JKPSF. JKPSF perlu memaklumkan kepada PPS serta mencadangkan pemeriksa dalam yang baru.
- iv. Jika pemeriksa luar menolak lantikan, PPS akan menghubungi JKPSF untuk mengesahkan calon pemeriksa kedua yang diperaku oleh JKPSF.

## 2.5 Tanggungjawab Pemeriksa

- i. Membaca dan membuat penilaian terhadap kualiti tesis yang dikemukakan untuk tujuan penganugerahan.
- ii. Penilaian hendaklah dibuat menggunakan borang laporan pemeriksa yang telah disediakan.
- iii. Pemeriksa perlu mengembalikan borang penilaian kepada PPS dalam tempoh **ENAM (6)** minggu dari tarikh penerimaan tesis.
- iv. Pemeriksa luar perlu hadir pada sesi peperiksaan lisan ijazah sarjana/doktor falsafah.
- v. Pemeriksa dalam mesti hadir pada sesi peperiksaan lisan.
- vi. Pemeriksa perlu membuat pengesahan pembetulan tesis yang dibuat oleh calon sebagaimana yang telah ditetapkan dalam keputusan peperiksaan lisan yang dilaporkan oleh Pengerusi Peperiksaan Lisan.

## **2.6 Elaun Dan Kemudahan Pemeriksa**

Bayaran elaun penilaian tesis pemeriksa tertakluk kepada keputusan Senat UnIPSAS sebagaimana ketetapan berikut :-

### **2.6.1 Pemeriksa Luar (Dalam Negara)**

- i. Pemeriksa luar dibayar elaun penilaian tesis sebanyak RM500.00 untuk tesis Sarjana dan RM700.00 untuk tesis Doktor Falsafah.
- ii. Pemeriksa luar layak menginap maksimum selama **DUA (2)** malam dan mendapat elaun perjalanan mengikut kelayakan.

### **2.6.2 Pemeriksa Dalam**

- i. Pemeriksa Dalam dibayar elaun penilaian tesis sebanyak RM250.00 untuk tesis Sarjana dan RM300.00 untuk tesis Doktor Falsafah.

## BAHAGIAN 3: PROSES KESELURUHAN PEPERIKSAAN LISAN

### 3.1 Pengenalan

Peperiksaan Lisan bermaksud satu sesi penilaian yang memerlukan pelajar membentangkan dan mempertahankan disertasi/tesis di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan (JKPL) yang dilantik oleh Pusat Pengurusan Siswazah UnIPSAS. Peperiksaan Lisan merupakan proses penilaian akhir bagi pelajar pascasiswazah program Sarjana atau Doktor Falsafah (Mod Penyelidikan) bagi memenuhi kelayakan bergraduasi.

### 3.2 Pelaksanaan

Proses dalam pelaksanaan peperiksaan lisan melibatkan 3 peringkat iaitu proses sebelum, semasa dan selepas peperiksaan lisan seperti jadual di bawah.

Peringkat	Aktiviti	Borang
<b>PERINGKAT 1</b> Sebelum	Cadangan Untuk Menyerahkan Tesis	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kelulusan Abstrak</li><li>• Notis Penyerahan Tesis</li></ul>
<b>PERINGKAT 2</b> Semasa	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penyerahan Naskah Akhir Untuk Peperiksaan Lisan</li><li>• Peperiksaan Lisan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penyerahan Tesis Untuk Peperiksaan Lisan</li><li>• Keputusan Peperiksaan Lisan</li><li>• Pembedulan Tesis</li><li>• Pengesahan Pembedulan</li></ul>
<b>PERINGKAT 3</b> Selepas	Penyerahan Naskah Akhir Untuk Pengesahan SENAT	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penjilidan Akhir</li><li>• Graduasi</li></ul>

### 3.3 Carta Alir Keseluruhan Peperiksaan Lisan

Aktiviti keseluruhan peperiksaan adalah seperti Lampiran 1.

## BAHAGIAN 4: PROSES SEBELUM PEPERIKSAAN LISAN

### 4.1 Kelulusan Abstrak

Calon perlu mendapatkan kelulusan abstrak dengan mengisi borang **PERMOHONAN KELULUSAN ABSTRAK (PPS/VIVA/C1)**. Borang yang diisi perlu dihantar ke fakulti. Penyelaras program akan mengemukakan permohonan ke Jawatankuasa Pascasiswazah Fakulti (JKPSF). Setelah semakan dibuat, pihak fakulti akan menghantar borang tersebut ke PPS. PPS akan mengeluarkan surat kelulusan dan pemakluman penghantaran notis.

### 4.2 Mengemukakan Notis Penyerahan Tesis

#### 4.2.1 Syarat Untuk Mengemukakan Notis Penyerahan Tesis

- i. Calon perlu berdaftar pada semester tersebut.
- ii. Notis penyerahan tesis hendaklah dihantar melalui fakulti dan mesti sampai ke PPS selewat-lewatnya **TIGA (3)** bulan sebelum tarikh jangkaan menghantar tesis untuk peperiksaan lisan.

#### 4.2.2 Prosedur Mengemukakan Notis Penyerahan Tesis

- i. Calon perlu mengisi borang **NOTIS PENYERAHAN TESIS (PPS/VIVA/C2)** dan diajukan kepada Penyelia.
- ii. Syarat mengemukakan Notis Penyerahan Tesis.
  - a. Calon telah mengikuti Kursus Metodologi Penyelidikan yang ditawarkan.
  - b. Calon telah memenuhi syarat minima **SATU (1)** kali pembentangan di seminar atau persidangan.
  - c. Calon telah lulus dalam pembentangan cadangan penyelidikan (*proposal defense*) dan pembentangan dapatan kajian (*pre-viva*).
  - d. Calon telah membuat pembayaran yuran peperiksaan.

### 4.2.3 Cadangan Pemeriksa

- i. Penyelia akan mencadangkan **DUA (2)** nama pemeriksa luar dan **DUA (2)** nama pemeriksa dalam melalui borang **CADANGAN PEMERIKSA PEPERIKSAAN LISAN (PPS/VIVA/SV1)**. Bagi pemeriksa luar yang pertama kali dicadangkan sebagai pemeriksa di KUIPSAS, *curriculum vitae* (CV) beliau perlu dilampirkan.
- ii. Penyelia perlu menghantar borang ini kepada fakulti untuk perakuan fakulti.
- iii. JKPSF akan memperaku pemeriksa dan menamakan Pengerusi Peperiksaan Lisan serta menghantar borang ini kepada PPS. JKPSF boleh juga memperaku pemeriksa lain yang tidak dicadangkan oleh penyelia.
- iv. PPS akan membuat semakan dan pengesahan. Setelah itu, pelantikan akan dibuat.
- v. PPS akan menghubungi fakulti untuk mendapatkan nama pemeriksa yang baharu sekiranya pemeriksa luar menolak lantikan ini.
- vi. JKPSF akan memperaku nama pemeriksa baharu yang telah dicadangkan dalam borang cadangan pemeriksa peperiksaan lisan atau nama lain jika perlu.

### 4.3 Carta Alir Mengemukakan Notis Penyerahan Tesis

Proses mengemukakan Notis Penyerahan Tesis adalah seperti di Lampiran 2.

## BAHAGIAN 5: PROSES SEMASA PEPERIKSAAN LISAN

### 5.1 Menghantar Tesis Untuk Tujuan Peperiksaan Lisan

#### 5.1.1 Syarat Menghantar Tesis Untuk Tujuan Peperiksaan

- i. Calon perlu mendaftar pada semester tersebut.
- ii. Calon hanya dibenarkan menghantar tesis untuk tujuan peperiksaan setelah memenuhi tempoh minimum pengajian.
- iii. Calon telah mengikuti Kursus Metodologi Penyelidikan (ISPI4010) dan mana-mana mata pelajaran yang diarahkan oleh universiti.
- iv. Calon telah memenuhi syarat minima **SATU (1)** kali pembentangan dalam seminar/persidangan.
- v. Tesis mestilah ditulis mengikut format UnIPSAS sebagaimana terkandung dalam **Garis Panduan Penulisan Disertasi/Tesis UnIPSAS**. Garis panduan ini boleh dimuat turun dari laman web PPS (<http://www.pps.unipsas.edu.my>).
- vi. Hasil penerbitan yang dilakukan sebelum bermulanya pengajian hanya boleh digunakan sebagai rujukan atau dilaporkan sebagai lampiran dan tidak boleh digunakan untuk diperiksa bagi tujuan penganugerahan.
- vii. Calon tidak boleh menghantar tesis yang telah atau sedang dihantar untuk tujuan peperiksaan kepada universiti yang lain.
- viii. Calon juga perlu menjelaskan yuran peperiksaan lisan sebelum menghantar tesis untuk tujuan peperiksaan.

### 5.1.2 Prosedur Penyerahan Tesis Untuk Peperiksaan

- i. Calon perlu mengisi borang **PENYERAHAN TESIS UNTUK PEPERIKSAAN LISAN (PPS/VIVA/C3)**
- ii. Calon perlu mendapatkan tanda tangan penyelia bagi mengesahkan tesis telah mencapai tahap untuk tujuan peperiksaan.
- iii. Calon perlu menghantar **EMPAT(4)** naskah tesis **berkulit lembut** untuk tujuan peperiksaan. Tesis ini mestilah mengikut format piawai UnIPSAS. Rujuk Garis Panduan Penulisan Disertasi/Tesis UnIPSAS.
- iv. Calon perlu menghantar ke PPS. Satu salinan slip penerimaan tesis akan diberikan kepada calon.
- v. PPS akan menghantar naskah tesis dan borang **LAPORAN PEMERIKSA PEPERIKSAAN LISAN (PPS/VIVA/EXAMINER1)** kepada pemeriksa untuk tujuan penilaian. Pemeriksa akan membuat penilaian dalam tempoh **ENAM (6)** minggu.

Sila rujuk Lampiran 3.

## 5.2 Peperiksaan Lisan

### 5.2.1 Pelaksanaan Peperiksaan Lisan

Peperiksaan Lisan akan dijalankan seperti jadual yang telah di tetapkan. Calon perlu mempertahankan tesis di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan yang terdiri daripada:

- i. Pengerusi Peperiksaan Lisan
- ii. Pemeriksa Luar
- iii. Pemeriksa Dalam
- iv. Penyelia Utama /Penyelia Bersama
- v. Dekan Fakulti
- vi. Wakil Pusat Pengurusan Siswazah
- vii. Lain-Lain Yang Difikirkan Perlu

\*Syarat ini juga digunapakai untuk peperiksaan semula.

### 5.2.2 Peranan Pengerusi, Pemeriksa, Penyelia Dan Calon semasa peperiksaan lisan.

Sila rujuk Lampiran 7.

### 5.2.3 Garis Panduan Umum Pengendalian Sesi Peperiksaan Lisan.

Sila Rujuk Lampiran 8.

## 5.3 Keputusan Peperiksaan Lisan

Setelah peperiksaan lisan selesai dijalankan, Jawatankuasa Peperiksaan Lisan akan menentukan pencapaian calon mengikut salah satu keputusan berikut:

Kategori Keputusan	Status Keputusan	Tempoh Pembetulan
Lulus Tanpa Pembetulan	Calon dianugerahkan Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah tanpa sebarang pindaan kepada tesisnya dan tanpa apa-apa syarat.	-
Lulus Dengan Pembetulan Minor	Calon dianugerahkan Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah tertakluk pada perubahan dan pembetulan minor kepada tesisnya seperti yang dihuraikan dalam laporan Penilaian.	Maksimum Tiga (3) Bulan
Lulus Dengan Pembetulan Major	Calon dianugerahkan Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah tertakluk pada perubahan dan pembetulan yang bukan minor kepada tesisnya seperti yang dihuraikan dalam Laporan Penilaian.	Maksimum Enam (6) Bulan
Ulang Peperiksaan Lisan	Calon dikehendaki menyerahkan semula tesis untuk Pemeriksaan Semula ( <i>re-Viva</i> ) selepas calon membuat perubahan atau pembetulan yang major seperti yang dihuraikan dalam Laporan Penilaian.	Minimum (6) Bulan Dan Maksimum (12) Bulan
Gagal	Calon tidak layak dianugerahkan Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah dan juga tidak dibenarkan	-



	untuk menyerahkan semula tesis untuk penilaian semula.	
--	--	--

PPS akan memaklumkan secara rasmi keputusan peperiksaan kepada calon berdasarkan laporan Pengerusi Peperiksaan Lisan. Calon akan diberikan tempoh untuk membuat pembetulan/penambahbaikan kepada tesis sebagaimana yang diputuskan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.

Panel pemeriksa perlu memperakukan salah satu keputusan berikut untuk diajukan kepada Senat:

- a) Calon dianugerahkan ijazah;  
atau
- b1) Calon dianugerahkan ijazah setelah membuat pembetulan kecil;  
atau
- b2) Calon dianugerahkan ijazah setelah membuat pindaan dan pembetulan kepada tesis seperti yang disenaraikan dalam laporan ini dan disahkan telah berbuat demikian oleh Pemeriksa Dalam/Luar berkenaan;  
atau
- c) Calon dikehendaki menyerahkan semula tesis untuk Pemeriksaan Semula selepas calon membuat perubahan atau pembetulan yang major seperti yang dihuraikan dalam Laporan Penilaian;  
atau
- d) Calon tidak layak dianugerahkan ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah.

Calon hanya dibenarkan menjalani dua kali peperiksaan lisan sahaja. Sila rujuk Lampiran 4.

#### **5.4 Pencapaian Hasil Pembelajaran Pelajar**

Setelah keputusan peperiksaan lisan tesis/disertasi pelajar diputuskan, Jawatankuasa Peperiksaan Lisan dikehendaki untuk menilai pencapaian hasil pembelajaran pelajar berdasarkan kelulusan MQA. Contoh hasil pembelajaran bagi tahap Sarjana adalah seperti Jadual 1, manakala contoh hasil pembelajaran bagi tahap Kedoktoran pula adalah seperti Jadual 2. Walau bagaimanapun pihak fakulti boleh menyesuaikan hasil pembelajaran ini mengikut keperluan fakulti masing-masing.

Jadual 1 Contoh hasil pembelajaran bagi tahap Sarjana

Hasil Pembelajaran	Pencapaian (Tandakan /)		
	Memuaskan	Baik	Cemerlang
Pada akhir pengajian graduan mampu:			
1. Mempamerkan kompetensi untuk melaksanakan penyelidikan mengikut metode yang relevan dan terkini dengan bidang pengajian Islam.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Menonjolkan kemahiran berfikir secara kritikal dan analitikal serta kemahiran menyelesaikan masalah dalam penyelidikan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Mempraktikkan kaedah penyelidikan yang relevan berasaskan standard akademik yang dapat diterima oleh rakan sepekeran.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Melaksanakan kerja berpasukan dan menunjukkan keprihatinan terhadap tanggungjawab sosial dan kod amalan profesional.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5. Menjelaskan idea yang bersifat kompleks melalui pembentangan atau wacana lisan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6. Menonjolkan kecekapan dalam pengurusan maklumat daripada pelbagai sumber klasikal dan moden menggunakan teknologi terkini.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7. Menganalisis data yang diperolehi menggunakan perisian yang relevan dengan penyelidikan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8. Menunjukkan daya kepimpinan yang berkualiti dalam melaksanakan tanggungjawab berkaitan kerja-kerja penyelidikan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9. Melaksanakan penyelidikan secara sendiri untuk perkembangan kerjaya.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10. Mempamerkan akhlak mulia dan nilai-nilai positif serta etika profesional sebagai seorang penyelidik Muslim.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Jadual 2 Contoh hasil pembelajaran bagi tahap Doktor Falsafah

Hasil Pembelajaran	Pencapaian (Tandakan /)		
	Memuaskan	Baik	Cemerlang
Pada akhir pengajian graduan mampu:			
1. Menjana ilmu dan kefahaman melalui penyelidikan sendiri.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Menangani permasalahan dalam bidang Pengajian Islam secara kritikal menggunakan kemahiran saintifik.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Memberi input dan sumbang saran yang bermakna dalam wacana akademik yang melibatkan rakan kesepakaran dan pakar disiplin berkaitan pengajian Islam.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Melaksanakan tugas penyelidikan sendiri bagi pembangunan sosiobudaya berlandaskan Islam dalam masyarakat melalui kapasiti akademik dan profesional.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5. Menonjolkan tingkah laku yang menepati akhlak Islam secara professional, beretika dan mematuhi undang-undang.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6. Menyumbang kepakaran dalam aspek ilmu dan penyelidikan kepada masyarakat terutamanya berkaitan pengajian Islam.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

## 5.5 Pembetulan Tesis

- i. Calon perlu membuat semua pembetulan sebagaimana diputuskan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.
- ii. Penyelia menyemak dan mengesahkan pembetulan tesis sebelum dikemukakan kepada PPS untuk semakan oleh pemeriksa.
- iii. Calon perlu menyerahkan **SATU (1)** naskah tesis berkulit lembut yang telah dibuat pembetulan kepada PPS dan borang **PEMBETULAN TESIS (PPS/VIVA/C4)** dalam tempoh yang telah diputuskan oleh Panel Pemeriksa berserta tesis yang telah ditanda oleh Panel Pemeriksa untuk tujuan pengesahan pembetulan. Sekiranya calon gagal menyerahkan tesis dalam tempoh tersebut tanpa alasan yang munasabah, calon dianggap gagal dan tidak dianugerahkan ijazah berkenaan.

## 5.6 Semakan Pembetulan

- i. PPS menghantar tesis yang telah dibetulkan berserta tesis yang ditanda oleh Panel Pemeriksa kepada Pemeriksa. Jika seorang pemeriksa sahaja yang perlu menyemak, semua tesis yang telah ditanda oleh Panel Pemeriksa akan diberikan kepada Pemeriksa berkenaan untuk semakan.
- ii. Pemeriksa perlu membuat pengesahan pembetulan dalam masa **DUA (2)** minggu dan dikembalikan semula kepada PPS. Pengesahan dibuat dalam borang Pembetulan Tesis calon yang disertakan bersekali dengan tesis.
- iii. Sekiranya Pemeriksa tidak berpuas hati dengan pembetulan yang dilakukan, Pemeriksa perlu membuat lampiran menyatakan dengan jelas pembetulan yang perlu dibuat. Pembetulan ini mestilah berdasarkan keputusan peperiksaan lisan sebagaimana dicatat dalam laporan Pengerusi Peperiksaan Lisan.
- iv. Calon perlu mengulangi semula proses. Proses ini boleh diulang sebanyak 2 kali sahaja. Proses semakan akan dilaksanakan sekali lagi.
- v. Sekiranya Pemeriksa berpuas hati dengan pembetulan yang dilakukan, pemeriksa perlu memberi pengesahan akhir melalui borang

**PENGESAHAN PEMBETULAN TESIS OLEH PEMERIKSA  
(PPS/VIVA/C5).**

- vi. PPS memulangkan tesis kepada calon untuk disediakan naskah akhir untuk dijilid.

Sila rujuk lampiran 5.

## BAHAGIAN 6: PROSES SELEPAS PEPERIKSAAN LISAN

### 6.1 Semakan Format Tesis

- i. Calon perlu menghantar tesis yang lengkap sebelum penjilidan untuk semakan pihak PPS.
- ii. Semakan akan dilakukan oleh pegawai PPS dengan menggunakan borang **SEMAKAN FORMAT TESIS (PPS/VIVA/CL)**.
- iii. Tesis yang telah disemak akan dipulangkan kepada calon beserta borang semakan format.
- iv. Calon perlu menambah baik tesis sebagaimana komen dan ulasan yang diberikan.
- v. Calon perlu menghantar semula tesis yang telah ditambah baik beserta borang semakan format tesis yang sama.
- vi. Pengarah atau Timbalan Pengarah PPS perlu membuat pengesahan bagi tesis yang telah layak untuk dijilid.

### 6.2 Penyerahan Akhir Tesis

Penyerahan akhir tesis merupakan penyerahan tesis berjilid dengan kulit keras (*hardbound*) ke PPS. Calon perlu menghantar perkara-perkara berikut :-

- i. **EMPAT (4)** salinan tesis berjilid keras dan **SATU (1)** salinan elektronik dengan format PDF dalam CD.
- ii. Borang **PENYERAHAN AKHIR TESIS (PPS/VIVA/C6)**.
- iii. PPS mengesahkan penerimaan tesis dan menghantar surat rasmi penerimaan tesis dalam tempoh **SATU (1)** minggu.
- iv. PPS menyediakan dokumen untuk pengesahan SENAT.
- v. SENAT memperaku penganugerahan.
- vi. Calon mengisi borang **PERMOHONAN PENGANUGERAHAN**.

### **6.3 Syarat Penganugerahan**

- i. Calon tidak berhutang dengan Universiti.
- ii. Calon telah mengikuti semua mata pelajaran pra-syarat iaitu Kursus Metodologi Penyelidikan atau lain-lain mata pelajaran yang ditetapkan oleh UnIPSAS.



## BAHAGIAN 7: RAYUAN

### 7.1 Pengenalan

Mengikut Peraturan Akademik Pascasiswazah item 18.3, seorang pelajar mempunyai hak untuk mengemukakan rayuan bagi menyemak semula keputusan penilaian peperiksaan lisan

Pelajar hendaklah menyatakan alasan munasabah untuk semakan semula beserta bayaran pemprosesan yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dituntut balik. Keputusan Peperiksaan Lisan adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya tidak akan dipertimbangkan.

### 7.2 Pelantikan Jawatankuasa Semakan Rayuan

**7.2.1** Satu Jawatankuasa Semakan Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan (JSKP) hendaklah dilantik bagi mengendalikan kes rayuan. Jawatankuasa Semakan Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan Tesis/Disertasi hendaklah bersifat bebas dan dilantik oleh Dekan Fakulti/Pengarah PPS. Ahli jawatankuasa ini terdiri daripada:

- a. Seorang Pengerusi;
- b. **DUA (2)** orang pakar dalam bidang berkaitan;
- c. **SATU (1)** orang ahli lain bertaraf Profesor Madya/ Phd dan
- d. Wakil Pusat Pengurusan Siswazah sebagai urusetia.

**7.2.2** JSKP boleh menjemput Pengerusi Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Tesis/Disertasi atau wakilnya untuk turut hadir

### 7.3 Prosedur Rayuan

- i. Hanya calon yang gagal peperiksaan lisan boleh merayu.
- ii. Permohonan rayuan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Pengarah Pusat Pengurusan Siswazah dalam tempoh **EMPAT(4)** minggu selepas surat keputusan peperiksaan rasmi dikeluarkan.
- iii. Rayuan calon akan dibawa kepada Jawatankuasa Semakan Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan (JSKP)
- iv. Keputusan rayuan adalah muktamad.

### 7.4 Sesi Membuat Keputusan

**7.4.1** Jawatankuasa Semakan Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan (JSKP Tesis/Disertasi perlu berbincang dan membuat keputusan sama ada:

- a) Menolak rayuan; atau
- b) Menerima rayuan dan mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Khas Peperiksaan lisan yang baharu untuk penilaian semula tesis/disertasi pelajar.

**7.4.2** Keputusan jawatankuasa ini perlu disahkan di peringkat Fakulti dan Pusat Pengurusan Siswazah sebelum dibawa ke Senat. Selepas kelulusan Senat diperolehi, pihak PPS perlu memaklumkan kepada pelajar mengenai keputusan rayuan tersebut. Setiap keputusan yang dibuat oleh pihak Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya tidak akan dipertimbangkan.


Carta alir proses rayuan semak semula keputusan peperiksaan lisan adalah seperti Lampiran 6.

## **BAHAGIAN 8: PENUTUP**


Garis Panduan ini disediakan untuk membantu dan melancarkan proses dan perjalanan Peperiksaan Lisan program Sarjana dan Doktor Falsafah (Mod Penyelidikan) Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah.

Semoga garis panduan peperiksaan lisan ini dapat menghasilkan budaya kerja professional khususnya dalam mencapai kecemerlangan dalam tadbir urus Pusat Pengurusan Siswazah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah.

**CARTA ALIR KESELURUHAN PROSES PEPERIKSAAN LISAN**




**CARTA ALIR PROSEDUR MENGEMUKAKAN NOTIS PENYERAHAN TESIS**




\*Notis Penyerahan Tesis perlu dihantar 3 bulan sebelum peperiksaan

CARTA ALIR PROSEDUR MENGHANTAR TESIS UNTUK PEPERIKSAAN LISAN




CARTA ALIR KEPUTUSAN PEPERIKSAAN LISAN




**CARTA ALIR PROSEDUR PEMBETULAN**

**CARTA ALIR PROSEDUR PEMBETULAN**  
(Lulus dengan pembetulan yang disahkan oleh Panel Peperiksaan)





**CARTA ALIR  
RAYUAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN LISAN**



**PERANAN Pengerusi, Pemeriksa, Penyelia dan Calon  
SEMASA PEPERIKSAAN LISAN**

**1.1 Peranan Pengerusi**

- i. Memastikan semua dokumen peperiksaan lengkap.
- ii. Memulakan sesi peperiksaan dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli panel dan mempengerusikan perbincangan awal berkenaan tesis yang telah dinilai.
- iii. Menjemput calon memasuki dewan peperiksaan dan memulakan sesi peperiksaan lisan.
- iv. Membenarkan calon membuat pembentangan jika dikehendaki oleh Panel Pemeriksa.
2. Memastikan sesi peperiksaan berjalan mengikut peraturan peperiksaan lisan.
3. Memastikan peperiksaan berjalan dengan harmoni.
4. Membuat laporan peperiksaan berkenaan keputusan panel pemeriksa dan pembedahan. Laporan ini akan dilaporkan kepada Senat.
5. Memaklumkan kepada calon keputusan Panel Pemeriksa serta pembedahan yang perlu dibuat jika ada.
6. Pengerusi tidak terlibat dalam membuat keputusan tetapi membantu pemeriksa untuk menghasilkan keputusan bersama.
7. Memastikan penyelia tidak mencampuri proses dan perjalanan peperiksaan lisan kecuali memberi penjelasan jika diminta oleh pemeriksa semasa sesi soal-jawab dengan calon berada dalam keadaan yang terkawal.
8. Membenarkan penyelia dan pemeriksa berbincang selepas sesi soal-jawab dengan calon sebelum membuat keputusan.
9. Berbincang dengan Panel Pemeriksa untuk menentukan keputusan dan semua pembedahan yang perlu dilakukan oleh calon jika ada. Keputusan ini perlulah ditulis dengan jelas dalam borang.

## **1.2 Peranan Pemeriksa Semasa Peperiksaan Lisan**

- i. Menilai bahawa calon telah mencapai tahap yang dikehendaki untuk penganugerahan.
- ii. Mengemukakan soalan dan perbincangan untuk mengesahkan keaslian tesis.
- i. Menghasilkan keputusan bersama setelah mempertimbangkan tesis dan penjelasan calon.
- ii. Mencadangkan pembedaan atau kerja tambahan jika perlu.

## **1.3 Peranan Penyelia Semasa Peperiksaan Lisan**

- i. Sebagai saksi terhadap perjalanan peperiksaan.
- ii. Mengambil perhatian terhadap keputusan peperiksaan dan pembedaan atau kerja tambahan yang perlu dilakukan.
- iii. Tidak mencampuri proses dan perjalanan peperiksaan lisan kecuali memberi penjelasan jika diminta oleh pemeriksa semasa sesi soal-jawab dengan calon.

## **1.4 Peranan Calon Semasa Peperiksaan Lisan**

- i. Diwajibkan hadir dalam sesi peperiksaan lisan dengan berpakaian kemas.
- ii. Calon hendaklah membuat pembentangan antara 10-20 minit untuk mengemukakan hasil kajian yang tertulis dalam tesis jika diminta.
- iii. Menjawab semua soalan sebaik mungkin.
- iv. Akur dengan keputusan panel peperiksaan.

**GARIS PANDUAN UMUM  
PENGENDALIAN SESI PEPERIKSAAN LISAN**

1. Majlis dimulakan dengan bacaan al-Fatihah
2. Pengerusi mengalu-alukan kehadiran ahli dalam sesi Peperiksaan Lisan berikut:-
  - i. Pemeriksa luar
  - ii. Pemeriksa dalam
  - iii. Penyelia/Penyelia Utama/ Penyelia bersama
  - iv. Wakil Fakulti
  - v. Wakil Pusat Pengurusan Siswazah
  - vi. Lain-Lain Yang Difikirkan Perlu
3. Pengerusi memberikan penerangan ringkas tentang latar belakang calon.
  - i. Nama Calon dan No. Matrik
  - ii. Tajuk Tesis
  - iii. Nama Penyelia
4. Pengerusi menjemput Penyelia calon untuk memberikan sedikit latar belakang berkaitan calon/tajuk dan skop calon, kekuatan (atau kelemahan calon) secara keseluruhannya mahupun sebarang maklumat lain yang dirasakan perlu.
5. Pengerusi mempersilakan Pemeriksa Luar untuk memberikan komen umum tentang tesis calon secara ringkas termasuk sebarang isu untuk dibangkitkan secara umum.
6. Pengerusi mempersilakan Pemeriksa Dalam untuk memberikan komen umum tentang tesis calon secara ringkas termasuk sebarang isu untuk dibangkitkan secara umum.

7. Pengerusi mendapatkan pandangan/persetujuan Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam sama ada calon boleh dipanggil masuk agar sesi peperiksaan lisan boleh dimulakan.
8. Setelah calon memasuki dewan peperiksaan lisan dan mengambil tempatnya, Pengerusi kemudiannya mengalu-alukan kedatangan calon ke sesi peperiksaan lisan serta mengucapkan tahniah atas kejayaan calon menyempurnakan penyelidikannya.
9. Pengerusi kemudiannya memperkenalkan barisan ahli panel sesi peperiksaan lisan kepada calon bermula dengan Pemeriksa Luar, Pemeriksa Dalam, Penyelia/Penyelia Utama/Penyelia Bersama, wakil Fakulti, wakil Pusat Pengurusan Siswazah dan jemputan selain yang dinyatakan.
10. Pengerusi kemudiannya menerangkan peraturan peperiksaan kepada calon.
  - i. Calon diberikan masa 20 minit sahaja untuk membuat pembentangan;
  - ii. Calon harus memberikan fokus kepada objektif, pernyataan masalah, dapatan, serta cadangan kajian.
  - iii. Selepas pembentangan calon, sesi soal jawab akan dibuka kepada Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam.
11. Calon diminta membuat pembentangan selama 20 minit.
12. Para Pemeriksa diminta oleh pengerusi mengemukakan soalan dan komen. Calon diminta untuk memberikan respon serta mempertahankan idea, hujah dan analisis dalam tesis.

(Sekiranya Pemeriksa Luar tidak dapat hadir atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, wakil Pusat Pengurusan Siswazah (Pengarah/Timbangan Pengarah) hendaklah membacakan laporan yang disediakan oleh Pemeriksa Luar)

13. Selepas sesi soal jawab dan komen selesai, Pengerusi mempersilakan calon untuk meninggalkan dewan peperiksaan untuk membolehkan Panel membuat keputusan berkaitan Peperiksaan Lisan yang baru berakhir.
14. Calon meninggalkan dewan peperiksaan lisan.
15. Pengerusi memulakan perbincangan dengan Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam bagi memutuskan keputusan Peperiksaan Lisan.

**Nota**

- a. Adalah penting bagi Pengerusi untuk memastikan agar Penyelia TIDAK bersuara di peringkat ini KECUALI diminta oleh ahli panel untuk berbuat demikian.
  - b. Sekiranya terdapat pertentangan idea, pendapat, keputusan antara Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam, Pengerusi harus memainkan peranan untuk melakukan mediasi sehingga suatu persetujuan boleh dicapai antara pemeriksa.
16. Setelah keputusan dicapai, semua ahli panel sesi Peperiksaan Lisan menurunkan tanda tangan tanda persetujuan dengan keputusan Peperiksaan Lisan.
  17. Pengerusi melalui wakil Pusat Pengurusan Siswazah, memanggil semula calon masuk ke dewan peperiksaan lisan.
  18. Pengerusi memaklumkan kepada calon tentang keputusan penuh Peperiksaan Lisan.
  19. Pengerusi menangguhkan peperiksaan lisan.

